

Peranan Etika Islam Mencegah Penipuan Dalam Korporat

Mohd Rizal Jasman
Aimi Wafa Ahmad
Kamarul Azmi Jasmi

²Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, abunaim1996.ma@gmail.com

Suggested Citation:

Jasman, Mohd Rizal; Ahmad, Aimi Wafa; Jasmi, Kamarul Azmi (2020). Peranan Etika Islam Mencegah Penipuan Dalam Korporat. Dlm *Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan*, 2(2) 2020, 12 May 2020, Dewan Maya, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM, hal. 31-42. eISBN: 978-967-2401-21-6.

Abstract

Secara umumnya, korporat adalah bermaksud perbadanan tertentu atau perbadanan pada umumnya. Oleh yang demikian, terdapat beberapa organisasi yang dapat diklasifikasikan sebagai organisasi korporat, sebagai contoh Tabung Haji, Perbadanan Usahawan Nasional dan seumpamanya. Justeru, dalam menguruskan sesebuah organisasi tersebut, maka individu yang berkelayakan akan dilantik bagi menguruskannya. Tidak dapat dinafikan dalam menguruskan pengurusan tersebut, terdapat segelintir individu yang berkepentingan melakukan beberapa penipuan dalam memenangi niat salah mereka. Justeru, kajian ini dihasilkan bagi melihat secara umumnya peranan agama Islam dalam menangani penipuan yang berlaku dalam kalangan mereka, selain itu akan melihat juga beberapa kriteria sampingan untuk melantik individu berkelayakan dalam mengemudi bidang tersebut. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menganalisis dokumen yang berkaitan dan seterusnya penganalisan dibuat mengikut kaedah induktif dan deduktif. Hasil daripada kajian ini, menjelaskan perlu mengutamakan individu yang mempunyai disiplin keagamaan yang tinggi dalam diri mereka. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai signifikan yang tersirat kerana secara tidak langsung akan mendedahkan kepada para pengkaji, bahawa Islam sangat mengambil berat sebarang penipuan atau yang seumpama dengannya sama ada ianya pada organisasi yang kecil atau sebaliknya. Kata Kunci: Korporat, Penipuan, Islam, Mencegah, Individu.

References

- Abd Aziz, Nor Haiza. 2020. "Pengurusan perolehan: Peranan kualiti audit dan urus tadbir korporat". *International Journal of Management Studies*, 13, 163-188.
- Ahmad, Mohamad Irwan, Wan Sulaiman, Wan Shahrazad, & Adnan, Haikal. 2014. *Sokongan Organisasi: Pengaruhnya terhadap Motivasi pencapaian dan Kepuasan Hidup Pekerja*.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2004. "Sahih al-Bukhari. Tahqiq: `Abd al-Aziz bin Abd Allah bin Baz et al. Kaherah. Dar al-Hadith".
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. 2011. *Ahya' 'Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Tirmidzi, Abu Isa. 1996. "Sunan al-Tirmidzi. Tahqiq: Basyar 'Awwad. Dar al-Gharib al-Islami".
- Amir, Siti Norain, Johari, Siti Hawa, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2015. *Gugatan Akidah: Bertawakal kepada Selain Allah SWT*. Kertas Kerja dalam Seminar Pemantapan Akidah 2015. Dewan Kuliah Khadijah.
- Awang, Ramli 2005. *Akidah Penghayatan Tauhid al-Quran*. Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz, Abdul. 2013. "Etika Bisnis Perspektif Islam". *Bandung: Alfabeta*.
- Bakar, Osman. 1994. Mewujudkan Tamadun limu Berlandaskan Tauhid. Dlm. Baharuddin Ahmad (Ed.), *Falsafah Sains daripadaperspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, Abdullah. 2010. "Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur. Dar al-Fikr".

- Bekum, Rafik Isa. 2007. "Etika Bisnis Islami, Yogyakarta, Pustaka Pelajar".
- Djakfar, Muhammad. 2008. "Etika Bisnis Islami Tataran Teoritis dan Praktis. Malang, UIN Malang Press".
- Faaland, Just. 2005. *Dasar ekonomi baru: pertumbuhan negara dan pencapaian ekonomi orang Melayu*. Utusan Publications.
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hasan, Ahmad. 1982. *At-Tauhid*. Indonesia: CV Diponegoro.
- Huda, Qamarul. 2011. "Fiqh Muamalat, Yogyakarta, Teras".
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. 2009. "Sunan Ibn Majah. Tahqiq: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Dam-syiq. Dar al-Nawadar. "
- Ishak, Suraiya, & Omar, Ahmad Rafli Che. 2012. "Perlindungan Pemegang Saham Minoriti Di Malaysia Dalam Konteks Pengambilalihan Korporat". *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 204 (1167), 1-36.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2008. *Mengasimilasi Budaya Islam dalam Organisasi untuk Mempertingkatkan Modal Insan Para Pekerja*. Kertas Kerja dalam The 4th National Human Resource Management Conference 2008. Tiara Beach Resort, Port Dickson.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. *Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama*. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*. Jld. 4, hlm. 15-34. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas Kerja dalam Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Jld. 2. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018d. *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)*. Jld. 1. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018e. "Karakter 7B Mukmin Cemerlang". *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018f. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas Kerja dalam Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Jld. 16. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Kertas Kerja dalam Siri 24: Program Budaya al-Quran, 4hb Julai 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Islam Agama Semua Umat dengan Syariat Yang Berbeza: Surah al-Baqarah (2: 136-141)*. Kertas Kerja dalam Siri 27: Program Budaya al-Quran, 8hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019e. *Keistimewaan Nabi Muhammad dan Umatnya Serta Peristiwa Pertukaran Kiblat: Surah al-Baqarah (2: 142-150)*. Kertas Kerja dalam Siri 28: Program Budaya al-Quran, 15hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019f. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Jld. 8. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020a. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020b. *Islam Agama Semua Umat dengan Syariat yang Berbeza: Surah al-Baqarah (2: 136-141)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020c. *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.

- Jasmi, Kamarul Azmi, & Suratman, Azmi Shah. 2007. "Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam-Al-Nawawi". Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarudin, Rohana, et al. 2005. Pendekatan Integrasi Berteraskan Paradigma Tauhid Dalam Pendidikan Sains Ke arah Keharmonian dan Kesejahteraan Insan". Dlm. Kamaruzaman Abdul Ghani et al. (Ed.), *Pendidikan Islam Ke arah Kemanusiaan Sejagat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khin, Mustafa. 2005. "Al-Fiqh al-Manhaji. (terjemahan: Zulkifli bin Mohamad). Bangi. Dar al-Syakir".
- Kossek, Ellen, Pichler, Shaun, Bodner, Todd, et al. 2011. "Workplace social support and work-family conflict: A meta-analysis clarifying the influence of general and work-family-specific supervisor and organizational support". *Personnel psychology*, 64, 289-313. doi: 10.1111/j.1744-6570.2011.01211.x
- Mad Rashid, Mohammad Hafiz, Wahab, Maslinda, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Sains Tauhidik dalam Pembangunan Peradaban Melayu*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun Islam 2018. Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mazira Ismail. 2018. *Hubungan antara persekitaran sosial dan sokongan tempat kerja dengan kesejahteraan emosi pekerja bukan akademik di sebuah universiti awam, Malaysia*.
- Mohd Salleh, Khalijah. 2011. Sains Tauhidik dan Implikasi Terhadap Pendidikan *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid Malaysia*. Bangi, Selangor: Institut Islam Hadhari.
- Mohd. Zain, Akhmal 2015. *Asas Pengetahuan Agama Islam: Tauhid, Fiqh & Akhlak*. Batu Caves: Al-Hidayah Publisher.
- Mursalina, Syed Azmi dan. 2005. "Edisi keempat". *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*, 823.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nor, Zainal Sayani Amin. 2013. *Ilmu Tauhid*. Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Nurohman, Dede. 2011. "Memahami Dasar-Dasar Ekonomi Islam". *Yogyakarta: Penerbit Teras*.
- Othman, Mohd Yusof. 2010. *Etika dalam Sains: Tauhidik Berbanding Sekular*. Kertas Kerja dalam Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik, Kumpulan Penyelidikan Membina Graduan Penyelidikan dalam Sains dan Teknologi. Falkulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, Mohd Yusof. 2014. *Pengenalan Sains Tauhidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman. 2002. "Penjelasan Lengkap Hukum-Hukum Allah, Jakarta, Raja Grafindo, Persada".
- Ramli, Awang. 2005. *Akidah Penghayatan Tauhid Al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Renee Baptiste, Nicole. 2008. "Tightening the link between employee wellbeing at work and performance: A new dimension for HRM". *Management Decision*, 46(2), 284-309. doi: 10.1108/00251740810854168
- Shahber, Muhammad Othman. 2004. "Al-Madkhal Ila Fiqh Muamalat al-Maliah. Jordan, Dar al-Nifas.
- Taher, Tarmizi 2002. *Menyegarkan Akidah Tauhid Insani: Mati di Era Klenik*. Jakarta: Gema Insan Press.
- Wan Embong, Wan Hassan, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.

PERANAN ETIKA ISLAM MENCEGAH PENIPUAN DALAM KORPORAT

Mohd Rizal Jasman
Aimi Wafa Ahmad
Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
rizal_dayang@yahoo.com, aimiwafa@graduate.utm.my, qamar@utm.my

Abstrak

Secara umumnya, korporat adalah bermaksud perbadanan tertentu atau perbadanan pada umumnya. Oleh yang demikian, terdapat beberapa organisasi yang dapat diklasifikasikan sebagai oraganisasi korporat, sebagai contoh Tabung Haji, Perbadanan Usahawan Nasional dan seumpamanya. Justeru, dalam menguruskan sesebuah organisasi tersebut, maka individu yang berkelayakan akan dilantik bagi menguruskannya. Tidak dapat dinafikan dalam menguruskan pengurusan tersebut, terdapat segelintir individu yang berkepentingan melakukan beberapa penipuan dalam memenangi niat salah mereka. Justeru, kajian ini dihasilkan bagi melihat secara umumnya peranan agama Islam dalam menangani penipuan yang berlaku dalam kalangan mereka, selain itu akan melihat juga beberapa kriteria sampingan untuk melantik individu berkelayakan dalam mengemudi bidang tersebut. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menganalisis dokumen yang berkaitan dan seterusnya penganalisan dibuat mengikut kaedah induktif dan deduktif. Hasil daripada kajian ini, menjelaskan perlu mengutamakan individu yang mempunyai disiplin keagamaan yang tinggi dalam diri mereka. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai signifikan yang tersirat kerana secara tidak langsung akan mendedahkan kepada para pengkaji, bahawa Islam sangat mengambil berat sebarang penipuan atau yang seumpama dengannya sama ada ianya pada organisasi yang kecil atau sebaliknya.

Kata Kunci: *Korporat, Penipuan, Islam, Mencegah, Individu*

PENGENALAN

Keperluan untuk mematuhi peraturan dan bersikap baik seperti yang dianjurkan oleh Islam terhadap sesama manusia dan makhluk sangat dituntut dalam Islam. Tuntutan ini dizahirkan melalui al-Quran dan hadis untuk menjadi pedoman dan panduan dalam kehidupan seharian manusia (Jasmi, 2002; Jasmi & Suratman, 2007; Jasmi, 2018e; Hamzah & Jasmi, 2020; Jasmi, 2020c). Justeru, dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ

إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Uagama Islam (dengan mematuhi) segala hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.*

(Surah *al-Baqarah*, 2:208)

Berdasarkan kepada dalil ini, ulama masa kini, iaitu al-Marhum Syeikh Wahbah al-Zuhaili menyatakan bahawanya agama Islam perlu diambil oleh umat yang beragama Islam secara keseluruhannya bukan hanya sebahagian. Peraturan dalam bidang muamalat seperti etika dan syarat berjual beli perlu bersandarkan kepada syariat Allah SWT untuk menjaga hubungan sosial sesama manusia (Shahber, 2004).

Jika dilihat dari segi sudut sejarah Tanah Melayu, bermula dari permulaan mencapai kemerdekaan 1957 sehingga tahun 1983 hampir kebanyakan sistem kewangan mula menggunakan sistem riba yang diperkenalkan oleh British. Umum mengetahui, Islam melarang keras segala bentuk transaksi yang melibatkan sistem riba sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Hal ini kerana, sistem berkenaan terbukti menindas satu golongan dan menguntungkan satu golongan yang lain. Kemudian perkembangan dan pembelajaran Islam semakin berkembang baik serata inci negara, maka pembersihan sistem yang bersifat menindas dan penipuan dibersihkan oleh para cerdik pandai agamawan. Oleh yang demikian dalam menguruskan perkara tersebut, secara tidak langsung sesuatu organisasi atau syarikat berkenaan akan diterajui oleh jemaah ahli lembaga pengarah atau pemegang saham yang berintegriti. Oleh itu, dapat menghasilkan kepada pematuhan tadbir urus korporat yang baik dan dapat mencegah salah laku dalam pengoperasian syarikat koparat yang berunsurkan kepada konflik berkepentingan.

Secara umumnya, dalam sesebuah organisasi yang bersifat korporat ianya diuruskan oleh dua kumpulan utama, iaitu pemegang saham syarikat dan juga pihak berkepentingan. Dua kumpulan ini akan menguruskan dan mentadbir sesebuah syarikat. Oleh yang demikian, jatuh bangun sesebuah syarikat tersebut adalah berdasarkan kepada dua kumpulan utama ini. Justeru, Islam mengariskan beberapa garis panduan dalam melantik individu yang berkepentingan. Perkara ini adalah untuk memastikan setiap amanah dan tidak berlaku ketirisan dalam mengemudi sesebuah badan koparat.

DEFINISI KORPORAT

Secara umumnya korporat adalah bermaksud syarikat atau perbadanan tertentu atau ianya merujuk kepada syarikat maupun firma yang besar seperti Lembaga Urusan Tabung Haji, Perbadanan Usahawan Nasional, Khazanah Nasional, MARA dan sebagainya (Mursalina, 2005). Tidak dapat dinafikan terdapat beberapa organisasi yang pada awalnya dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan, namun begitu, ianya ditukarkan menjadi perbadanan atau syarikat bukan milik kerajaan. Situasi ini bermula sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan, iaitu tahun 1970.

Dasar DEB yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak pada ketika itu adalah bertujuan untuk mengawal masalah ekonomi yang tidak seimbang dan mengelakkan masalah ekonomi yang boleh mengancam pendapatan negara. Pembangunan ekonomi yang seimbang perlu diberi penekanan dengan memastikan jurang kemiskinan antara kaum dapat dikawal untuk mengelakkan persaingan antara satu sama lain (Faaland, 2005). Oleh yang demikian beberapa perbadanan atau firma yang diklasifikasikan sebagai insititusi korporat menyusun sebuah organisasi bagi menjamin kestabilan dalam membangunkan ekonomi. Oleh yang demikian, ianya diuruskan oleh individu yang berkelayakkan agar sentiasa berada dalam sistem pengurusan yang teratur. Perkara ini adalah sangat penting, kerana secara tidak langsung dapat mencengah dan

membendung daripada melakukan beberapa amalan yang disifatkan sebagai amalan kontroversi. Oleh itu, mentadbir dan mengurus sesebuah perbadanan korporat memerlukan kepada satu sistem khas yang mengawal operasi dan tindakan korporat dalam masa yang sama bertanggungjawab dan membuat keputusan yang tepat. Maka seiring dengan itu, sistem khas tersebut dapat memberikan komoditi yang diperlukan oleh sesebuah syarikat, iaitu kepercayaan pihak berkepentingan secara berterusan (Abd Aziz, 2020). Oleh itu, dalam mengurus dan mengendalikan sesebuah firma, maka terdapat dua kumpulan yang sangat mempengaruhi dalam perjalanan pengurusan korporat, iaitu pemegang saham dan pihak kepentingan.

Pemegang Saham

Secara umumnya, definisi pemegang saham adalah pihak atau individu yang memiliki saham atau mempunyai satu bahagian dalam organisasi perniagaan atau syarikat yang sah. Dengan menjadi pemegang, semakin tinggi saham seseorang individu semakin tinggi kedudukannya dalam syarikat. Oleh yang demikian, dorongan dan amalan yang baik dalam menguruskan sesebuah institusi syarikat ada pada pemegang saham. Justeru, pemilik syarikat perlu mengetahui bahawa pemegang saham juga sebahagian daripada pemegang berkepentingan dan perlu memelihara kepentingan mereka. Hakikatnya dapat difahami pada kebiasaannya pemegang saham adalah pemilik syarikat. Syarikat memainkan peranan penting dan bertanggungjawab terhadap pemegang saham pada sesebuah syarikat berkenaan. Dengan adanya saham yang dimiliki dalam sesebuah syarikat, pihak atau individu tersebut mempunyai bidang kuasa antaranya seperti berikut:

- (1) Menjual saham yang dimilikinya
- (2) Mengundi dalam pemilihan ahli lembaga pengarah
- (3) Mencadangkan nama pengarah dalam pemilihan ahli lembaga pengarah
- (4) Mencadangkan resolusi pemegang saham
- (5) Menerima dividen yang diisytiharkan

Pemegang saham adalah individu yang berkuasa dan penting dalam menguruskan hal ehwal syarikat. Mereka mempunyai bidang kuasa khas untuk mentadbir syarikat, oleh hal yang demikian perlulah mengamalkan sikap bertanggungjawab dan jujur.

Pihak Kepentingan

Daripada pihak ini adalah pihak yang mendorong ke arah tadbir urus sesebuah syarikat korporat. Tambahan pula, pihak ini juga melabur bagi menjamin kejayaan sesebuah syarikat. Selain itu, sebarang keputusan yang diambil akan memberi impak kepada pihak yang berkepentingan dalam syarikat dan sebaliknya (Ishak & Omar, 2012). Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kedua-dua pihak yang berpengaruh dalam sesebuah syarikat korporat maka secara tidak langsungnya menjelaskan bahawa kedua-dua golongan ini mempunyai kuasa untuk menentukan hala tuju perjalanan sesebuah syarikat. Justeru, menyedari kepentingan hakikat ini, Islam menetapkan satu garis panduan yang sangat jelas untuk melantik individu yang berada dalam kedua-dua kumpulan tersebut agar perjalanan sesebuah syarikat itu sesuai menurut etika yang ditetapkan dalam Islam.

LARANGAN MENIPU

Secara asasnya yang dimaksudkan dengan penipuan adalah melakukan sesuatu yang tidak jujur untuk menjaga kepentingan diri sendiri atau menyesatkan orang lain (Mursalina, 2005). Oleh itu,

agama Islam melarang segala bentuk penipuan, malahan Islam menggambarkan seseorang yang melakukan penipuan termasuk dalam golongan orang munafik (Jasmi, 2002, 2017; Jasmi & Suratman, 2007; Jasmi, 2018e, 2020c). Abu Hurayrah berkata bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda bahawa (Al-Bukhari, M., 2001: 33):

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ.

Maksud: *Tanda orang munafik itu ada tiga, iaitu apabila dia berbicara ia berdusta, apabila dia berjanji dia mungkir dan apabila dia diberi amanah dia khianat*

(Al-Bukhari)

Berdasarkan kepada riwayat di atas, secara jelas ketiga-tiga golongan munafik ini mempunyai kaitan yang sangat rapat kepada penipuan. Oleh itu, penipuan atau pendustaan yang dilakukan akan mendatangkan banyak perkara yang buruk berbanding kebaikan. Islam menetapkan segala tingkah laku maupun pekerjaan yang dilakukan wajib bersih daripada perkara tersebut. Justeru, perkara ini tidak terkecuali pada hal yang melibatkan perniagaan ataupun urusan niaga jual beli. Nabi Muhammad SAW memberi peringatan kepada umat Islam bahawa setiap rezeki perlu diperolehi dari sumber yang halal dan menjauhi yang haram. Satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Abdillah an Nu'man bin Basyir bahawa Rasulullah SAW bersabda (Muslim, t.th.: 1599):

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ.

Maksud: *Sesungguhnya yang halal itu jelas yang haram itu jelas dan antara keduanya adalah perkara syubhat (ragu-ragu)*

(Muslim)

Namun begitu, tidak dapat dinafikan dalam sudut yang lain, Islam mengharuskan penipuan apabila seseorang itu berada dalam medan pertempuran. Dalam peperangan untuk mencapai kemenangan memerlukan untuk merancang strategi bagi mengalahkan musuh. Justeru, Nabi Muhammad SAW tidak akan melantik sahabat mempunyai hati yang lunak dan mempunyai jiwa yang lembut untuk mengetuai peperangan. Justeru, dalam banyak peperangan Nabi Muhammad SAW melantik panglima perang yang mempunyai kecerdikan dalam menggunakan strategi tipu helah peperangan, iaitu Khalid bin al-Walid bagi menewaskan musuh Islam.

KRITERIA ISLAM DALAM BIDANG KORPORAT

Sebagaimana yang dijelaskan diawal perbahasan ini, bahawa Islam mempunyai garis panduan yang jelas dalam urusan perniagaan, merangkumi perniagaan secara kecil-kecilan atau yang melibatkan modal dan keuntungan yang besar. Oleh itu, Islam meletakkan beberapa etika yang wajib dipatuhi sebagai garis pemisah antara yang benar ataupun yang salah. Maka secara asasnya, etika dalam perniagaan dalam konteks perbahasan di sini adalah merujuk kepada prinsip dan norma yang perlu dipraktikkan oleh orang yang berada dalam bidang perniagaan bagi mencapai tujuan perniagaannya yang selamat (Bekum, 2007). Oleh itu, melalui beberapa ayat al-Quran dan juga hadis Nabi Muhammad SAW yang menyentuh secara langsung tentang isu ini:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْمُونَ ﴿٤٢﴾

Maksud: *Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya.*

(Surah *Al-Baqarah*, 2:42)

Seterusnya dalil hadis tentang tipu daya syaitan yang menggoda manusia untuk tidak bersikap jujur ketika proses berjual beli yang diriwayatkan oleh Qais bin Abi Gharazah bahawa Nabi SAW bersabda (Al-Tirmidhi, 1998: 1208):

يَا مَعْشَرَ التُّجَّارِ، إِنَّ الشَّيْطَانَ، وَالْإِثْمَ يَحْضُرَانِ الْبَيْعَ، فَشُوبُوا بِبَيْعِكُمْ بِالصَّدَقَةِ.

Maksud: *Wahai para peniaga, sesungguhnya syaitan dan dosa kedua-duanya akan hadir dalam jual beli, maka hiasilah jual beli kamu dengan sedekah.*

(Al-Tirmidhi)

Tambahan pula, larangan menipu dalam perniagaan dijelaskan sebagaimana hadis berikut (Muslim, t.th.: 102):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى صُبْرَةِ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا، فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلًا فَقَالَ: «مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ؟» قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: «أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ، مَنْ عَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW melalui setimbunan makanan lalu memasukkan tangannya ke dalam timbunan makanan tersebut dan mendapati jari-jemarinya basah. Rasulullah SAW bersabda, apakah semua ini wahai pemilik makanan? Lelaki itu menjawab; makanan ini ditimpa hujan wahai Rasulullah! Lalu Rasulullah bersabda, "Kenapa tidak kamu jadikan yang basah itu disebelah atas makanan agar manusia dapat melihatnya, barang siapa yang menipu maka ia bukan dari kami orang yang menipu."*

(Muslim)

Oleh yang demikian, berdasarkan kesemua dalil di atas secara umumnya Islam sangat menekankan dalam apa juga yang dilakukan khususnya dalam konteks perniagaan wajib merasakan bahawa Allah SWT sentiasa memerhatikan setiap tindakan yang dilakukan, seperti mana yang diketahui pengetahuan ihsan. Justeru, yang dimaksudkan dengan kesalahan dalam penipuan dalam perniagaan adalahh proses terjadinya pertukaran kepentingan untuk mencapai

keuntungan tanpa menekankan aspek halal atau haram, dengan cara penipuan terhadap kelompok lain. Maka Islam menekankan jual beli itu wajib dilaksanakan dengan amalan yang baik dan wajib menghindarkan pebezaan antara sesebuah golongan dalam membina perniagaan (Rahman, 2002).

Lantaran dengan perkara tersebut, Islam memainkan peranan yang cukup penting bagi membendung penipuan yang berlaku dalam dunia korporat ataupun disebut alam perniagaan. Justeru, penulis di sini menggariskan beberapa peranan yang dimainkan oleh Islam bagi mencengah perkara tersebut berlaku. Antara kriteria Islam dalam bidang korporat adalah seperti berikut kesatuan, keseimbangan, tanggungjawab, kebenaran, kebebasan berekonomi dan melakukan perintah yang terpuji

Kesatuan

Kesatuan adalah merupakan salah satu cermin dalam sifat tauhid yang diterapkan oleh Nabi Muhammad SAW (Hasan, 1982; Bakar, 1994; Taher, 2002; Ramli, 2005; Kamarudin, 2005; Awang, 2005; Othman, 2010; Jasmi & Tamuri, 2011; Mohd Salleh, 2011; Nor, 2013; Othman, 2014; Amir *et al.*, 2015; Mohd. Zain, 2015; Ismail & Jasmi, 2016; Wan Embong & Jasmi, 2019; Mad Rashid *et al.*, 2018). Nilai tauhid mengabungkan kesemua perkara yang berbeza cara menguruskan sesuatu perkara sama ada dalam perkara ekonomi, politik, kemasyarakatan dan sebagainya di bawah satu kesatuan yang sama, oleh yang demikian konsep kesatuan adalah merupakan satu konsep yang mendalam dalam diri seorang muslim kerana setiap dari mereka memadam segala yang dipertanggungjawabkan adalah merupakan amanah yang akan dipersoalkan kelak (Bekum, 2007).

Jika seseorang itu menerapkan nilai kesatuan dalam setiap diri maka secara tidak langsung, perkara tersebut dapat dielakkan:

- (1) Diskriminasi terhadap perkerja, pembeli, pemegang saham, pihak berkepentingan atau siapa sahaja yang terlibat.
- (2) Mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda kerana konsep kesederhanaan sangat penting bagi seorang muslim dan mempercayai bahawa segala yang dimiliki tidak akan kekal selamanya.

Kesatuan menggabungkan semua aspek untuk dijadikan panduan dalam etika perniagaan. Sikap diskriminasi dan mengaut keuntungan semata-mata tanpa mengambil berat hak orang lain tidak membawa manfaat kepada perniagaan menurut islam.

Keseimbangan

Konsep keseimbangan atau juga disebut dengan kata keadilan merupakan konsep dalam perniagaan yang agak sukar untu dipraktikan bagi sesetengah ahli perniagaan. Mungkin dalam kalangan pembaca pernah mendengar kisah, ketika pemerintahan Saidina Umar al-Khatab, beliau mendengar perbualan antara seorang ibu dengan anaknya untuk menambahkan air dalam susu yang hendak dijual mereka, kerana memandangkan khalifah Umar tidak mengetahui pakatan tersebut. Maka cadangan itu ditolak oleh anaknya kerana Allah SWT memerhatikan setiap perbuatan hamba-Nya. Daripada ketulusan hati anak tersebut, menyebabkan khalifah Umar mengambilnya sebagai menantu dan mengahwinkannya dengan anak Saidina Umar. Daripada kisah ini, maka elemen yang menjadi nadi dalam perniagaan adalah keseimbangan atau kejujuran ketika melakukan perniagaan, seperti mana hadis yang penulis bawakan di atas. Justetu, berdasarkan penerapan nilai ini secara tersiratnya Islam hendak mengekang sikap ketamakan manusia dalam mencari keuntungan yang dilarang oleh Islam (Bekum, 2007).

Tanggungjawab

Islam sangat menekankan konsep tanggungjawab kepada setiap manusia, justeru secara tidak langsung turut membawa kepada konsep kebebasan individu, yang dikehendaki dalam ajaran Islam adalah kebebasan individu yang mempunyai nilai tanggungjawab yang tinggi. Dengan pemilihan tersebut manusia perlu berani untuk menjawab segala yang dipertanggungjawabkan bukan hanya di hadapan manusia, malahan juga perlu berani untuk menjawab segalanya di hadapan Allah SWT kelak (Djakfar, 2008).

Konsep tanggungjawab dapat dibahagikan kepada dua aspek yang penting, pertama; tanggungjawab selaku khalifah di muka bumi ini, kedua; tanggungjawab secara sukarela dengan tanpa paksaan. Dalam konteks tanggungjawab dalam perniagaan, Islam, contohnya apabila seseorang ahli korporat khususnya yang beragama Islam itu melakukan perkara yang tidak sepatutnya dalam perniagaan, maka ia tidak sepatutnya menyalahkan situasi tertekan dalam perniagaan dengan melakukan tindakan yang tidak sepatutnya, tetapi seharusnya seseorang ahli korporat itu bertanggungjawab terhadap diri dan tindakan yang diambil.

Kebenaran Merupakan Kebajikan dan Kejujuran

Kebenaran sangat diperlukan dalam syarikat, selain mengandungi kebajikan ianya juga tidak menafikan perlu kepada kejujuran dalam perniagaan. Kebenaran dalam perniagaan dapat diertikan sebagai niat, sikap dan melakukan perkara yang benar dalam transaksi perniagaan walaupun untuk mencari keuntungan dalamnya. Maka dengan wujudnya nilai kebenaran ini, etika perniagaan dalam Islam ini menafikan boleh berlakunya penipuan dalam bidang korporat pada salah satu pihak yang menjalankan perniagaan atau kedua-duanya sekali walaupun di awalnya mereka melakukan perjanjian (Aziz, 2013)

Berdasarkan kepada ketiga-tiga nilai itu, Imam Al-Ghazali (2011) merumuskan dua perkara wajar diikuti perbincangan kajian ini:

- (1) Jika seseorang dalam keadaan memerlukan, orang lain boleh berkongsi sedikit keuntungannya. Namun begitu, jika yang memberikan itu tidak mengharapkan keuntungan maka ia adalah lebih baik;
- (2) Dalam merealisasikan hak pembayaran dan peminjaman, seseorang itu harus memberi ruang kepada peminjam untuk membayar kembali;

Setiap pekerja yang melakukan transaksi dalam syarikat perlulah bersikap jujur dan benar. Islam menuntut supaya kita mempunyai niat yang baik dan jujur dalam melakukan setiap perkara yang kita buat dan dapat mengelakkan daripada melakukan kemungkaran.

Kebebasan Berekonomi

Seseorang individu atau sesebuah organisasi mempunyai kebebasan dalam setiap perbincangan untuk melakukan perniagaan. Mereka berhak untuk menjual saham atau sebaliknya dalam penganggannya dengan kerelaan dirinya sendiri, kerana setiap jual beli perlu kepada kerelaan dirinya sendiri dan ianya terbatal sekiranya dipaksa melakukan perkara tersebut (Khin, 2005). Justeru perkara ini sangat penting, bagi mengelakkan boleh berlakunya penipuan, dan pemaksaan dalam setiap jual atau beli pada sesebuah syarikat (Nurohman, 2011).

Melakukan Perintah Yang Terpuji

Al-Quran dan hadis diturunkan kepada umat Islam salah satunya adalah untuk memurnikan sikap dan tingkah laku manusia sejagat (Jasmi, 2018d, 2018b, 2019f, 2019b, 2020b, 2020a, 2018c, 2018a, 2018f, 2019a, 2019c, 2019d, 2019e). Oleh yang demikian, setiap manusia yang berada dalam bidang korporat ini sewajarnya melakukan beberapa sifat yang utama, iaitu bersikap lemah lembut dan melakukan perbincangan, niat, dan pengabdian hanya untuk Allah SWT. Oleh itu, diperintahkan supaya menjalankan etika perniagaan yang disarankan dalam agama.

SOKONGAN SOSIAL DARI KORPORAT

Sokongan sosial dari organisasi dalam penulisan ini dibahagikan kepada tiga, iaitu individu, masyarakat dan negara. Organisasi yang dapat menyumbang kepada tiga bahagian ini adalah sebuah organisasi yang ditadbir urus dengan baik (Jasmi, 2008).

Sokongan sosial dari sudut individu adalah pekerja syarikat. Pekerja merupakan aset utama, tanpa mereka syarikat atau korporat tidak mampu menggerakkan perusahaan mereka. Kebajikan dan persekitaran tempat kerja yang sihat sangat diperlukan pekerja. Persekitaran sosial di tempat kerja merangkumi kepada suasana pekerjaan yang melibatkan pekerja dan organisasi di tempat kerja (Kossek *et al.*, 2011). Sesebuah organisasi yang menjaga kebajikan pekerja membantu menaikkan semangat para pekerja untuk lebih berusaha dan komited dalam tugas yang diberi. Islam mengalakkan untuk kita saling hormat menghormati dan sayang menyayangi tanpa mengira darjat dan harta Organisasi perlu menitikberatkan aspek sokongan sosial kepada pekerja kerana mereka merupakan penyumbang kepada kejayaan syarikat dan mengambil berat jika pekerja menghadapi masalah. Sebagai contoh, organisasi boleh menyediakan elaun tambahan kepada pekerja yang bekerja lebih masa, menyediakan takaful atau insurans kepada pekerja jika mereka mengalami kemalangan di tempat kerja, menyediakan panel kesihatan yang bertauliah untuk pekerja yang sakit dan sebagainya. Kebanyakan organisasi menyediakan tempat kemudahan yang selesa untuk pekerja melepaskan lelah setelah seharian membanting tulang. Syarikat atau korporat bukan Islam juga memberi kelonggaran kepada pekerja muslim untuk menunaikan solat fardu lima waktu terutamanya solat jumaat yang memerlukan mereka keluar dari tempat kerja ke masjid yang berdekatan.

Sesebuah korporat atau syarikat boleh menyediakan ganjaran atau hadiah untuk menghargai jasa dan pengorbanan pekerja dalam membantu menaikkan nama syarikat sehingga dikenali. Usaha ini adalah sebagai menaikkan moral pekerja dan membantu mereka terus berwawasan untuk mematuhi etika dan peraturan. Hal ini dapat mengelakkan pekerja hilang motivasi, curi tulang atau melakukan etika tidak bermoral ketika melakukan transaksi ketika bersama pelanggan. Ganjaran yang diberikan sebagai kepercayaan dari syarikat kepada pekerja sebagai contoh berjaya mendapatkan projek besar yang membawa keuntungan kepada syarikat atau mengharumkan nama syarikat di peringkat antarabangsa. Sokongan di tempat kerja sangat penting kerana sokongan yang diberikan oleh organisasi adalah sebagai kepercayaan dan membantu pekerja menonjolkan sikap positif ketika bekerja dan meningkatkan prestasi bekerja dalam syarikat (Renee Baptiste, 2008)

Seterusnya sokongan sosial dari sudut masyarakat. Syarikat perlu menyediakan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan masyarakat untuk meneruskan kelangsungan hidup. Barang dan perkhidmatan yang dijual atau diberi perlulah dalam keadaan yang baik, selesa dan tidak membahayakan kepada masyarakat. Syarikat juga dapat membantu pengangur dan para graduan dengan memberikan peluang pekerjaan sekaligus dapat meningkatkan taraf

hidup dan ekonomi masyarakat. Hal ini membantu para graduan menimba ilmu dalam bidang keusahawanan. Selain itu, syarikat dapat terlibat dengan aktiviti sosial seperti melakukan program kemasyarakatan bersama penduduk tempatan, membantu golongan yang memerlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan dengan menderma makanan atau keperluan asas kepada masyarakat. Terdapat sesetengah syarikat juga menyediakan bantuan biasiswa kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran tetapi kesempitan wang

Selain itu, sokongan sosial kepada negara. Syarikat atau korporat dapat membantu menstabilkan dan meningkatkan ekonomi negara dengan berlakunya aktiviti perdagangan import dan eksport dalam dan luar negara. Aktiviti perdagangan yang sihat membantu membina imej negara dengan mengeluarkan hasil yang baik dan berdaya saing dengan mengeksport baranag dagangan dengan kualiti yang baik. Tambahan pula, syarikat dapat mewujudkan hubungan diplomatik dengan negara yang lain dan hasil dari hubungan yang baik ini dapat memanfaatkan kedua-dua belah pihak dengan saling bertukar-tukar idea.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada beberapa perkara yang digariskan oleh penulis dalam penulisan ini, maka setiap manusia khususnya yang beragama Islam wajib untuk menjalankan peranan yang cukup penting bagi membendung sikap penipuan dalam bidang korporat. Seperti yang diketahui umum, bahawa bidang ini adalah bidang perniagaan yang mempunyai transaksi secara langsung atau tidak dengan jual beli. Maka Nabi Muhammad SAW mengingatkan setiap umat Islam supaya menghindarkan segala perkara yang boleh mendorong daripada penipuan dalam perniagaan.

RUJUKAN

- Abd Aziz, Nor Haiza. 2020. "Pengurusan perolehan: Peranan kualiti audit dan urus tadbir korporat". *International Journal of Management Studies*, 13, 163-188.
- Ahmad, Mohamad Irwan, Wan Sulaiman, Wan Shahrazad, & Adnan, Haikal. 2014. *Sokongan Organisasi: Pengaruhnya terhadap Motivasi pencapaian dan Kepuasan Hidup Pekerja*.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 2004. "Sahih al-Bukhari. Tahqiq: `Abd al-Aziz bin Abd Allah bin Baz et al. Kaherah. Dar al-Hadith".
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. 2011. *Ahya' 'Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Tirmidzi, Abu Isa. 1996. "Sunan al-Tirmidzi. Tahqiq: Basyar `Awwad. Dar al-Gharib al-Islami".
- Amir, Siti Norain, Johari, Siti Hawa, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2015. *Gugatan Akidah: Bertawakal kepada Selain Allah SWT*. Kertas Kerja dalam Seminar Pemantapan Akidah 2015. Dewan Kuliah Khadijah.
- Awang, Ramli 2005. *Akidah Penghayatan Tauhid al-Quran*. Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz, Abdul. 2013. "Etika Bisnis Perspektif Islam". *Bandung: Alfabeta*.

- Bakar, Osman. 1994. Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid. Dlm. Baharuddin Ahmad (Ed.), *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, Abdullah. 2010. "Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur. Dar al-Fikr".
- Bekum, Rafik Isa. 2007. "Etika Bisnis Islami, Yogyakarta, Pustaka Pelajar".
- Djakfar, Muhammad. 2008. "Etika Bisnis Islami Tataran Teoritis dan Praktis. Malang, UIN Malang Press".
- Faaland, Just. 2005. *Dasar ekonomi baru: pertumbuhan negara dan pencapaian ekonomi orang Melayu*. Utusan Publications.
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hasan, Ahmad. 1982. *At-Tauhid*. Indonesia: CV Diponegoro.
- Huda, Qamarul. 2011. "Fiqh Muamalat, Yogyakarta, Teras".
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. 2009. "Sunan Ibn Majah. Tahqiq: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Damsyiq. Dar al-Nawadar. ".
- Ishak, Suraiya, & Omar, Ahmad Rafli Che. 2012. "Perlindungan Pemegang Saham Minoriti Di Malaysia Dalam Konteks Pengambilalihan Korporat". *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 204(1167), 1-36.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2008. *Mengasimilasi Budaya Islam dalam Organisasi untuk Mempertingkatkan Modal Insan Para Pekerja*. Kertas Kerja dalam The 4th National Human Resource Management Conference 2008. Tiara Beach Resort, Port Dickson.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*. Jld. 4, hlm. 15-34. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas Kerja dalam Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Jld. 2. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas Kerja dalam Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018d. *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)*. Jld. 1. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018e. "Karakter 7B Mukmin Cemerlang". *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018f. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas Kerja dalam Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Jld. 16. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Ciri Ketuhanan dan Kenabian yang Benar: Surah al-Baqarah (2: 116-123)*. Kertas Kerja dalam Siri 24: Program Budaya al-Quran, 4hb Julai 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Islam Agama Semua Umat dengan Syariat Yang Berbeza: Surah al-Baqarah (2: 136-141)*. Kertas Kerja dalam Siri 27: Program Budaya al-Quran, 8hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019e. *Keistimewaan Nabi Muhammad dan Umatnya Serta Peristiwa Pertukaran Kiblat: Surah al-Baqarah (2: 142-150)*. Kertas Kerja dalam Siri 28: Program Budaya al-Quran, 15hb Ogos 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019f. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Jld. 8. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020a. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020b. *Islam Agama Semua Umat dengan Syariat yang Berbeza: Surah al-Baqarah (2: 136-141)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020c. *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Suratman, Azmi Shah. 2007. "Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam-Al-Nawawi".
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarudin, Rohana, et al. 2005. Pendekatan Integrasi Berteraskan Paradigma Tauhid Dalam Pendidikan Sains Ke arah Keharmonian dan Kesejahteraan Insan". Dlm. Kamaruzaman Abdul Ghani et al. (Ed.), *Pendidikan Islam Ke arah Kemanusiaan Sejagat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khin, Mustafa. 2005. "Al-Fiqh al-Manhaji. (terjemahan: Zulkifli bin Mohamad). Bangi. Dar al-Syakir".
- Kossek, Ellen, Pichler, Shaun, Bodner, Todd, et al. 2011. "Workplace social support and work-family conflict: A meta-analysis clarifying the influence of general and work-family-specific supervisor and organizational support". *Personnel psychology*, 64, 289-313. doi: 10.1111/j.1744-6570.2011.01211.x
- Mad Rashid, Mohammad Hafiz, Wahab, Maslinda, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Sains Tauhidik dalam Pembangunan Peradaban Melayu*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun Islam 2018. Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mazira Ismail. 2018. *Hubungan antara persekitaran sosial dan sokongan tempat kerja dengan kesejahteraan emosi pekerja bukan akademik di sebuah universiti awam, Malaysia*.
- Mohd Salleh, Khalijah. 2011. *Sains Tauhidik dan Implikasi Terhadap Pendidikan Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid Malaysia*. Bangi, Selangor: Institut Islam Hadhari.

- Mohd. Zain, Akhmal 2015. *Asas Pengetahuan Agama Islam: Tauhid, Fiqh & Akhlak*. Batu Caves: Al-Hidayah Publisher.
- Mursalina, Syed Azmi dan. 2005. "Edisi keempat". *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*, 823.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nor, Zainal Sayani Amin. 2013. *Ilmu Tauhid*. Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Nurohman, Dede. 2011. "Memahami Dasar-Dasar Ekonomi Islam". *Yogyakarta: Penerbit Teras*.
- Othman, Mohd Yusof. 2010. *Etika dalam Sains: Tauhidik Berbanding Sekular*. Kertas Kerja dalam Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik, Kumpulan Penyelidikan Membina Graduan Penyelidikan dalam Sains dan Teknologi. Falkulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, Mohd Yusof. 2014. *Pengenalan Sains Tauhidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman. 2002. "Penjelasan Lengkap Hukum-Hukum Allah, Jakarta, Raja Grafindo, Persada".
- Ramli, Awang. 2005. *Akidah Penghayatan Tauhid Al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Renee Baptiste, Nicole. 2008. "Tightening the link between employee wellbeing at work and performance: A new dimension for HRM". *Management Decision*, 46(2), 284-309. doi: 10.1108/00251740810854168
- Shahber, Muhammad Othman. 2004. "Al-Madkhal Ila Fiqh Muamalat al-Maliah. Jordan, Dar al-Nifas".
- Taher, Tarmizi 2002. *Menyegarkan Akidah Tauhid Insani: Mati di Era Klenik*. Jakarta: Gema Insan Press.
- Wan Embong, Wan Hassan, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. *Perspektip Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysla*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.

PROSIDING
SEMINAR FALSAFAH SAINS DAN KETAMADUNAN
2(2) 2020

Tema

Etika Islam untuk Kehidupan yang Gemilang

Tarikh

12 May 2020

Tempat

Dewan Maya

Akademi Tamadun Islam

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Teknologi Malaysia

Editor

Kamarul Azmi Jasmi

Ahmad Muhyuddin Hassan

Wan Hassan Wan Embong

Akademi Tamadun Islam

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Teknologi Malaysia

**PROSIDING
SEMINAR FALSAFAH SAINS DAN KETAMADUNAN
2(2) 2020**

Tema
Etika Islam untuk Kehidupan yang Gemilang

Tarikh
12 May 2020

Tempat
Dewan Maya
Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

Editor
Kamarul Azmi Jasmi
Ahmad Muhyuddin Hassan
Wan Hassan Wan Embong

Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

Cetakan Pertama 2020 Edisi Pertama

© Kamarul Azmi Jasmi

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (2 : 2020 : Johor)

PROSIDING SEMINAR FALSAFAH SAINS DAN KETAMADUNAN. 2(2) 2020 :
Etika Islam untuk Kehidupan yang Gemilang, 12 May 2020, Dewan Maya, Akademi
Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia /
Editor: Kamarul Azmi Jasmi, Ahmad Muhyuddin Hassan, Wan Hassan Wan Embong.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2401-21-6

1. Science-Philosophy-Congresses.
 2. Civilization-Philosophy-Congresses.
 3. Islamic civilization-Congresses.
 4. Government publications-Malaysia.
 5. Electronic books.
- I. Kamarul Azmi Jasmi, 1973-. II. Ahmad Muhyuddin Hassan.
III. Wan Hassan Wan Embong. IV. Judul.
901

Editor Bahasa, Kulit, dan Pengatur Huruf

Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor,
Johor Darul Takzim

Penerbitan


T07, Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor,

Johor Darul Takzim

KANDUNGAN

1	Permasalahan Ibadah Haji dan Umrah dalam Kalangan Transgender <i>Nur Izzah Isa, Nurul Aini A Kadir, & Ahmad Muhyuddin Hassan</i>	01-06
2	Pelaksanaan Kod Etika Tempat Kerja <i>Muhammad Abu Naim Ziatol Ihazair & Diaya Ud-Deen Deab Mahmoud al-Zitawi</i>	07-18
3	Fake News on Social Media during Covid-19 Crisis <i>Mohd Haniff Mohamed Din, Nurulain Nadhirah Kamal, & Akmaliza Abdullah</i>	19-30
4	Peranan Etika Islam Mencegah Penipuan dalam Korporat <i>Mohd Rizal Jasman, Aimi Wafa Ahmad, & Kamarul Azmi Jasmi</i>	31-42
5	Model Kepercayaan Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial <i>Mohd Rizal Jasman & Kamarul Azmi Jasmi</i>	43-54
6	Trust Model Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial <i>Muhammad Yusof Hakimi Kanafiah, Muhammad Abu Naim Ziatol Ihazair & Kamarul Azmi Jasmi</i>	55-66
7	Peranan Etika Pemasaran Islam Terhadap Kepuasan Pelanggan <i>Aimi Wafa Ahmad & Kamarul Azmi Jasmi</i>	67-72
8	Jual Beli atas Talian (E-Dagang) Menurut Perspektif Islam dan Moden <i>Ahmad Muzakkir Rohaizat, Nur Hidayah Idris, & Ajmain Safar</i>	73-78
9	Prinsip Etika Islam dalam Komoditi Kontrak Derivatif <i>Muhammad Yusof Hakimi Kanafiah & Kamarul Azmi Jasmi</i>	79-90
10	Analisis Penggunaan Bitcoin Sebagai Mata Wang dalam Perspektif Islam <i>Wan Noor Hisbyam Wan Zainal Ala, Muhamad Zhafri Irfan Ibrahim, & Ahmad Muhyiddin Hassan</i>	91-100
11	Acceptance and Attitudes Towards the LGBT <i>Fauzan Fahmi Mohamad Nora'eni, Siti Nur Syamimi Mohd Na'im, Nur'afini Dzulkifli, Norsahrina Wakidan, & Ahmad Marzuki Mohamad</i>	101-120
12	The Ethics of Social Media Technology from the Islamic Perspectives <i>Siti Hajar Mansor, Azlina Narawi, & Kawthar Bayoumi</i>	121-132
13	China VS USA Trade War: Challenges <i>Imannina Zaidy & Tan Li Xian</i>	133-144

PRAKATA



Al-Hamdulillah bersyukur kami kehadiran Allah SWT yang mencurahkan ilmu kepada umat manusia agar mereka dapat hidup makmur di permukaan alam ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya, dan para sahabatnya.

Kami munajat kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kami dapat menyudahkan penyusunan Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan dengan tema “*Etika Islam untuk Kehidupan yang Gemilang.*”

Pada asasnya Seminar ini diadakan sebagai memenuhi keperluan kursus Falsafah Sains dan Ketamadunan dalam bentuk kerja kursus berkumpulan. Terdapat 13 tajuk kertas kerja yang ditulis dan dibentangkan oleh para pelajar yang dibantu oleh Pensyarah merangkap penyelia kertas kerja untuk tatapan umum dalam seminar ini. Keseluruhan tajuk dalam seminar ini ialah:

- (1) Permasalahan Ibadah Haji dan Umrah dalam Kalangan Transgender
- (2) Pelaksanaan Kod Etika Tempat Kerja
- (3) Fake News on Social Media during Covid-19 Crisis
- (4) Peranan Etika Islam Mencegah Penipuan dalam Korporat
- (5) Model Kepercayaan Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial
- (6) Trust Model Etika Perniagaan Islam dan Analisis Rangkaian Sosial
- (7) Peranan Etika Pemasaran Islam Terhadap Kepuasan Pelanggan
- (8) Jual Beli atas Talian (E-Dagang) Menurut Perspektif Islam dan Moden
- (9) Prinsip Etika Islam dalam Komoditi Kontrak Derivatif
- (10) Analisis Penggunaan Bitcoin Sebagai Mata Wang dalam Perspektif Islam
- (11) Acceptance and Attitudes Towards the LGBT
- (12) The Ethics of Social Media Technology from the Islamic Perspectives
- (13) China VS USA Trade War: Challenges

Berdasarkan kepada tajuk seminar yang ditulis dan dibentangkan oleh para pelajar dan editor, seminar kali ini menyingkap secara mendalam tentang aspek etika Islam tentang kehidupan yang cemerlang dalam Islam yang dilihat menurut perspektif ajaran Islam dan kesannya kepada individu, keluarga, masyarakat, dan negara. Bermula daripada persoalan ibadat, pekerjaan, perniagaan, dan sosial hinggalah kepada persoalan krisis antara negara.

Prosiding seminar ini diharap dapat menjadi medan penting kepada para pelajar untuk melatih mereka menulis tulisan separuh akademik dalam satu skop tajuk yang berkaitan dengan pelbagai kod etika kehidupan menurut perspektif Islam dan manfaatnya kepada kesejahteraan umat manusia sejagat. Selain itu, himpunan kertas kerja ini pula diharapkan mampu memberi input kepada semua para pelajar tentang kod etika kehidupan menurut Islam sehingga mereka memahami kod etika kehidupan menurut Islam ini dalam bentuk kajian yang dihasilkan oleh berkat daya usaha mereka sendiri. Akhirnya, tulisan mereka ini

dapat dikongsikan kepada masyarakat awam dalam bentuk tulisan yang mempunyai nilai akademik untuk dimanfaatkan pula oleh masyarakat Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi
Ahmad Muhyuddin Hassan
Wan Hassan Wan Embong
2020